

14 APR 2002

MCA-Lim

TIMBALAN PRESIDEN MCA SAMBUT BAIK KENYATAAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek hari ini menyambut baik kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa tidak ada sesiapaupun yang harus membuat sebarang kenyataan media mengenai MCA termasuk beliau sendiri.

Beliau berkata saranan itu akan membolehkan suasana kembali reda dan membolehkan Dr Mahathir menyelesaikan masalah dalaman MCA.

"Saya menyambut baik kenyataan Perdana Menteri dan saya rasa ia akan membolehkan satu penyelesaian dicapai," katanya ketika dihubungi hari ini.

Dr Mahathir hari ini berkata yang tiada sesiapaupun termasuk beliau boleh membuat apa-apa lagi kenyataan mengenai krisis kepimpinan MCA.

Perdana Menteri berkata ini dipersetujui oleh beliau sendiri, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Lim.

Lim juga berkata beliau sedia berjumpa dengan Dr Ling untuk menyelesaikan masalah dalaman parti itu.

Dr Ling dilaporkan sebagai berkata di Seremban hari ini bahawa "besar kemungkinan" beliau akan mengadakan pertemuan dengan Lim ekoran permintaan Dr Mahathir supaya Dr Ling mengusahakan agenda kestabilan dalam parti itu.

-- BERNAMA

AT SHI MAM PR